

Dr. Mahathir terima lantikan pantau

UM 18 JUN 2005

PUTRAJAYA 17 Jun — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerima pemilihan beliau sebagai panel Jawatankuasa Kecemasan Untuk Iraq (ECI) bagi memantau proses pengadilan terhadap bekas pemimpin Iraq termasuk Saddam Hussein.

Beliau menganggap jawatankuasa itu sangat penting untuk memastikan tidak ada penyelewengan dan pencabulan hak-hak pengadilan yang jujur dan adil terhadap Saddam dan bekas pemimpin Iraq yang lain.

“Dalam kes Saddam, tumpu-

an utama saya ialah untuk melihat proses pengadilan dilaksanakan dengan jujur dan adil. Tetapi sama ada beliau bersalah atau tidak, itu bukan tugas saya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar berhubung pelantikannya sebagai salah seorang daripada empat anggota panel ECI, di sini-hari ini.

Tiga lagi anggota panel yang dilantik jawatankuasa itu ialah bekas Presiden Algeria, Ahmed Ben Bella; bekas Menteri Luar Perancis, Roland Dumas dan bekas Peguam Negara Amerika Syarikat, Ramsey Clarke.

Selasa lalu, sebuah agensi berita asing memetik kenyataan jurucakap jawatankuasa itu, Sarah Sloan bahawa ECI diwujudkan untuk memastikan Saddam dan bekas pemimpin Iraq mendapat pembelaan sewajarnya.

Menurut Sloan, jawatankuasa itu penting untuk memastikan kebenaran sejarah, keamanan dan keadilan masyarakat dalam perundangan Iraq dan dunia dihormati oleh Amerika Syarikat.

Katanya, pentadbiran tentera penceroboh di Iraq harus memberi perhatian terhadap hak

pengadilan Saddam Hussein

asasi Saddam, menerima kunjungan keluarga dan dapat berhubung dengan dunia luar.

Menurut Dr. Mahathir, beliau sangat tertarik dengan pelantikan tersebut kerana ia merupakan landasan terbaik untuk memastikan Tribunal Khas Iraq tidak menafikan hak-hak Saddam dalam proses pengadilan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, persetujuan untuk menganggotai jawatankuasa itu dibuat setelah mengadakan perbincangan terperinci dengan Clarke di Amman, Jordan baru-baru ini.

“Kami mengadakan perbinca-

ngan panjang lebar dan terperinci berhubung proses pengadilan yang jujur dan adil terhadap Saddam dan semua bekas pemimpin Iraq. Kita mahu tiada unsur-unsur penyelewengan.

“Hasil perbincangan itu, kami berpendapat hak-hak Saddam dalam konteks perundangan dan pengadilan yang telus, adil dan jujur sangat perlu,” tambah beliau.

Sementara itu Dr. Mahathir berkata, sebagai permulaan dalam proses pengadilan Saddam, bekas Presiden itu perlu didampingi dan dibela oleh peguamnya.

“Setakat ini tidak ada bukti Saddam dibela oleh peguam tetapi ia telah disiasat oleh penyiasat yang ditubuhkan oleh kerajaan Iraq dan Amerika Syarikat,” katanya.

Saddam ditahan oleh tentera AS pada 13 Disember 2003 dekat bandar kelahirannya, Tikrit selepas setahun negara itu ditakluk oleh tentera penceroboh.

Beliau dan 11 lagi bekas pemimpin Iraq kini dipercayai ditahan di kem tentera penceroboh berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Baghdad.